

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001**

**SEPTEMBER/OKTOBER 2000**

**RHS 503 – REKABENTUK PERUMAHAN**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

**BAHAGIAN A**

1. Bincangkan sejauh manakah aspek rekabentuk perumahan kolonial yang dapat diterapkan dalam rekabentuk perumahan masakini.

(20 MARKAH)

2. Bandingkan kelebihan dan kekurangan rekabentuk perumahan tradisional, kolonial dan moden dan jelaskan bagaimanakah aspek tersebut dapat diterapkan dalam rekabentuk perumahan masa depan.

(20 MARKAH)

3. "Rumah Tradisional Melayu mempunyai ciri-ciri faktor tindakbalas terhadap Iklim tempatan". Bincangkan pernyataan di atas.

(20 MARKAH)

4. **Buat satu laporan ringkas tentang ciri-ciri rekabentuk rumah Tradisional Melayu yang pernah anda lawati.**

**(20 MARKAH)**

5. **Bincangkan perbandingan aspek-aspek penggunaan bahan binaan dan teknologi sebuah Rumah Tradisional Melayu dan Rumah Kolonial.**

**(20 MARKAH)**

6. **Bincangkan ciri-ciri rekabentuk perumahan moden daripada aspek perancangan, bangunan infrastruktur dan kemudahan awam.**

**(20 MARKAH)**

7. **Sebagai seorang pemaju projek perumahan yang berlesen, senaraikan komponen dan proses pelaksanaan sesuatu projek perumahan moden.**

**(20 MARKAH)**